



## " BADAR AL-KUBRA : PERISTIWA DAN PENGAJARAN "

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ: وَلَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ بِبَدْرٍ وَأَنْتُمْ  
أَذِلَّةٌ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّيَ بَتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Saya menyeru diri saya dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Kerana sesungguhnya orang-orang yang benar-benar berjaya adalah mereka yang bertaqwa kepada Allah SWT.

Khutbah hari ini adalah bertajuk "***Badar Al-Kubra : Peristiwa Dan Pengajaran***".

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Setiap kali kedatangan Ramadhan al-Mubarak akan mengingatkan kita kepada beberapa peristiwa besar yang berlaku pada bulan ini, yang menghendaki kita sama-sama merenungi dan mengambil pengajaran darinya. Antara peristiwa besar yang berlaku pada bulan Ramadhan ialah berlakunya peperangan Badar al-Kubra pada tanggal 17 Ramadhan tahun kedua Hijrah. Peperangan ini adalah merupakan titik tolak kepada kemenangan perjuangan Rasulullah s.a.w dalam menyebarkan risalah Islam seterusnya.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Peristiwa yang bersejarah ini berlaku setelah Rasulullah s.a.w. mendengar berita bahawa qafilah perniagaan Quraisy pimpinan Abu Sufian bin Harb sedang dalam perjalanan pulang dari Syam menuju ke Mekah. Peluang itu diambil oleh Rasulullah s.a.w. bersama-sama 313 orang sahabat keluar ke Badar bagi mengambil barangan perniagaan



tersebut sebagai gantian harta orang Islam yang dikuasai oleh musyrikin Mekah setelah umat Islam berhijrah ke Madinah.

Sekalipun qafilah Abu Sufian telah terselamat dari sekatan Rasulullah s.a.w. dan tidak lagi memerlukan bantuan tentera Quraisy dari Mekah, namun Abu Jahal yang memimpin hampir seribu bala tentera yang lengkap bersenjata, dengan angkuh dan sombong menyatakan:

*"Demi Allah! Kita tidak mahu pulang sekarang sehingga kita sampai di Badar. Kita berpesta di sana selama 3 hari, kita sembelih unta, minum arak dan menyanyi sehingga seluruh bangsa Arab mengetahui perhimpunan dan kedatangan kita. Maka kehebatan kita terus menerus dapat dilihat oleh mereka".*

Untuk menghadapi saat yang getir ini, Rasulullah s.a.w. segera mengadakan mesyuarat dan meminta pandangan para sahabatnya dari kalangan Muhajirin dan Ansar. Para sahabat semuanya memberi ikrar taat setia akan tetap berdiri teguh bersama Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi tentera pimpinan Abu Jahal tersebut. Inilah kehendak Allah SWT kepada Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Anfal, ayat ke 7 :

وَإِذْ يَعِدُكُمُ اللَّهُ إِحْدَى الطَّائِفَتَيْنِ أَنَّهَا لَكُمْ  
وَتَوَدُّونَ أَنَّ غَيْرَ ذَاتِ الشَّوْكَةِ تَكُونُ  
لَكُمْ وَيُرِيدُ اللَّهُ أَنْ تُحِقَّ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ وَيَقْطَعَ  
دَابِرَ الْكَافِرِينَ ﴿٧﴾



*"Dan (ingatlah), ketika Allah menjanjikan kepadamu bahawa salah satu dari dua golongan (yang kamu hadapi) adalah untukmu, sedang kamu menginginkan bahawa yang tidak mempunyai kekuatan senjatalah yang untukmu, dan Allah menghendaki untuk membenarkan yang benar dengan ayat-ayatNya dan memusnahkan orang-orang kafir".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pagi Jumaat 17 Ramadhan telah tiba, kedua-dua belah pihak telah bersedia untuk berperang. Rasulullah s.a.w. sendiri telah menyusun sof tenteranya dengan susunan yang kemas dan rapi. Ketika itu pergantungan Rasulullah s.a.w. hanyalah kepada Allah SWT. Rasulullah s.a.w. dengan penuh harapan mengangkat tangan bermunajat memohon pertolongan Allah SWT dengan doanya yang bermaksud:

*"Ya Allah! Ya Tuhanku, tunaikanlah apa yang telah Engkau janjikan kepadaku. Ya Allah! Ya Tuhanku, kurniakanlah apa yang dijanjikan kepadaku. Ya Allah! Ya Tuhanku, jika binasa pasukan yang kecil ini, maka Engkau tidak akan disembah lagi di bumi selepas ini".*

Pertempuran bermula dengan Rasulullah s.a.w. meminta agar Ubaidah bin Harith, Sayyidina Hamzah dan Sayyidina Ali mara untuk menentang tiga pemimpin Quraisy iaitu Utbah bin Rabi'ah, Syaibah bin Rabi'ah dan al-Walid bin Utbah yang telah mencabar tentera Islam. Ketiga-tiga pahlawan Islam itu telah berjaya membunuh ketiga-tiga musuh mereka di mana kemenangan ini merupakan kemenangan awal dalam menyemarakkan lagi semangat jihad.



Selepas itu berlakulah pertempuran sengit. Tentera Islam mengambil tindakan bertahan. Sementara Rasulullah s.a.w. terus-menerus bermunajat kepada Allah SWT, sehinggalah Allah SWT mengkabulkan doanya, dengan menghantar tentera dari kalangan malaikat yang turun berduyun-duyun membantu tentera Islam. Hal ini telah diabadikan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat ke 9:

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَاسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمِدُّكُمْ  
بِأَلْفٍ مِّنَ الْمَلَائِكَةِ مُرَدِّفِينَ

*"Ingatlah ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhanmu lalu diperkenankannya bagimu. Sesungguhnya Aku akan mendatangkan bantuan kepadamu dengan seribu malaikat yang datang berturut-turut".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Tentera Rasulullah s.a.w. bukan sahaja mengambil setrategi bertahan, bahkan mereka mula mengambil tindakan menyerang dengan bantuan tentera-tentera dari kalangan malaikat yang diutuskan oleh Allah SWT. Para tentera Islam dapat saksikan bagaimana terputusnya kepala dan tangan musuh tanpa dapat dilihat sesiapa yang memancungnya. Pada pusingan ini, Abu Jahal sendiri telah berjaya dibunuh, dan kepalanya dibawa kepada Rasulullah s.a.w. seraya Baginda menyatakan bahawa inilah dia Firaun umat ini.



### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Dengan terbunuhnya Abu Jahal maka berakhirlah peperangan yang bersejarah ini dengan memberi kemenangan yang nyata kepada tentera Islam. Seramai 70 orang pembesar musyrikin telah terbunuh dan 70 orang lagi berjaya ditawan. Sementara itu hanya 14 orang tentera Islam telah gugur syahid. Berita kemenangan ini disambut oleh penduduk Madinah dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan dengan laungan takbir dan tahlil kepada Allah SWT. Kemenangan ini telah meletakkan Islam sebagai agama yang tertinggi dan umat Islam menjadi bangsa yang kuat, bukan lagi sebagai mangsa penindasan para kuffar.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Melalui peristiwa peperangan Badar al-Kubra yang penuh bersejarah ini, terlalu banyak pengajaran dapat kita petik dan teladani sebagai bekalan kehidupan harian kita. Antaranya ialah:

Pertama: Agama Islam yang kita anuti dan nikmati hari ini adalah merupakan hasil perjuangan yang menuntut pengorbanan yang tinggi dari para pendukungnya, khususnya Nabi dan para sahabat baginda s.a.w.. Oleh yang demikian, marilah kita hargai Islam ini dengan mengamalkan sepenuhnya.

Kedua: Syura atau bermesyuarat sebelum membuat apa-apa keputusan dalam perkara yang tiada nas yang jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah, adalah merupakan asas pentadbiran dan politik Islam yang tetap, yang tidak harus diabaikan.

Ketiga: Keimanan yang kental, doa yang berterusan serta tawakkal yang tinggi kepada Allah SWT merupakan senjata yang ampuh



dan berkesan bagi menghadapi sebarang serangan musuh-musuh Allah dan Islam di sepanjang zaman.

Keempat: Sesuatu kebenaran itu tidak akan dapat ditegakkan jika ianya tidak disertai dengan setrategi yang betul, perancangan dan penyusunan yang kemas dan rapi.

Kelima: Sebagai umat Islam kita mestilah yakin bahawa sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa untuk memberi pertolongan dan kemenangan kepada perjuangan Islam sekalipun jumlah pendokongnya kecil dan kekuatannya terhad.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Semoga semangat dan roh kemenangan Badar al-Kubra yang bersejarah ini akan kembali berulang di abad ini, dan membakar semangat kita supaya sama-sama kita bangkit menghayatinya dengan teguh mendokong perjuangan Islam dan kepimpinannya. Dengan itu sahajalah, agama Islam akan terbela, syariatnya akan tertegak gagah dan rahmatnya akan dapat dinikmati dalam negara ini oleh semua lapisan masyarakat dalam tempoh terdekat InsyaAllah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ  
وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ لَهُمُ الْجَنَّةُ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ



اللَّهُ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ<sup>ص</sup> وَعَدَا عَلَيْهِ حَقًّا فِي  
التَّورَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ<sup>ج</sup> وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ<sup>ج</sup>  
مِنَ اللَّهِ<sup>ج</sup> فَاسْتَبَشِرُوا ببيعكم الذي بايعتم به<sup>ج</sup>  
وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

“Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin diri dan harta mereka dengan memberikan surga untuk mereka, mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka membunuh atau terbunuh. (Itu telah menjadi) janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil dan Al Quran. dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar”.

(At-Taubah: 111)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.





أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ  
عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ



إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ  
وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ  
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى  
وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang melimpahkan rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri idaman, maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru, kami mohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, tingkatkanlah amal kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, tambahkan kami dengan ilmu dan kemahiran, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak mulia, lindungilah kami daripada ujian-Mu yang berat seperti kemarau panjang, banjir besar, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan lain-lain, supaya hidup kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami, untuk melaksanakan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau fardhukan. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.



Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya di negeri ini, limpahkanlah nikmat iman dan kesihatan yang berpanjangan kepada mereka, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً  
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ  
وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.